

8 Januari 2021

KEPADA SEMUA KAKITANGAN NORTHPORT (MALAYSIA) BHD

PER: KESAN NEGATIF COVID-19 KEPADA INDIVIDU, KELUARGA DAN SYARIKAT

Assalamualaikum dan Salam Sejahtera kepada semua warga TeamNorthport.

Berikut jumlah kes COVID-19 pada gelombang ketiga yang semakin meningkat, pihak Syarikat dengan ini ingin menyeru semua kakitangan untuk mengelakkan daripada mengunjungi tempat-tempat yang sesak seperti pusat membeli-belah, majlis keramaian atau perhimpunan keluarga dan pusat pelancongan atau hiburan. Langkah-langkah ini perlu diambil dengan kadar segera bagi memutuskan rantaian kes COVID-19 yang semakin meningkat dan mendarangkan kesan negatif kepada individu, keluarga serta Syarikat.

Pihak Syarikat juga ingin mengingatkan kepada semua kakitangan agar hanya keluar dari rumah sekiranya terdapat urusan kerja dan urusan yang penting sahaja. Sekiranya anda tiada urusan kerja dan urusan yang penting, anda dinasihatkan untuk duduk di rumah.

Selain itu, semua kakitangan juga diingatkan untuk tidak bersalam-salaman atau bersentuhan sesama lain di tempat kerja. Elakkan daripada berkumpul, bersempang atau makan bersama-sama di tempat yang sempit. Teruskan mematuhi SOP yang telah ditetapkan seperti memakai pelitup muka di tempat yang sesak, mengamalkan penjarakan fizikal dan sentiasa menjaga kebersihan kendiri.

Akhir kata, jangan leka dan alpa kerana kita masih belum menang.

Sekian, terima kasih.

Saya Yang Menjalankan Amanah,
NORTHPORT (MALAYSIA) BHD



DATO' AZMAN SHAH BIN MOHD YUSOF
Ketua Pegawai Eksekutif